



AHMAD DZAFFIR (kiri) pada *Walkabout Program High Profile Policing* di Jalan Bandar Tunggol, Seremban semalam.

Polis Negeri Sembilan merekodkan 2,277 kes scam

Rugi RM40.7 juta ditipu melalui online

Oleh **NOR SHAFAWATI YUP**

SEREMBAN – Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) negeri ini telah merekodkan sebanyak 2,277 kes penipuan dalam talian melibatkan kerugian sebanyak RM40.7 juta sepanjang Januari hingga November tahun ini.

Ketua Polis Negeri Sembilan, Deputy Komisioner Ahmad Dzaffir Mohd. Yussof berkata, terdapat enam modus operandi yang digunakan melibatkan kes penipuan dalam talian.

Katanya, ini termasuk belian secara online sebanyak 711 kes, *Macau scam* (393), pinjaman tidak wujud (309), pelaburan tidak wujud (302), penipuan *e-financial* (103) dan *love* atau *parcel scam* (66).

“Belian secara online melibatkan



kan kerugian sebanyak RM5.4 juta, *Macau scam* (RM12.4 juta), pinjaman tidak wujud (RM2.3 juta), pelaburan tidak wujud (RM8.4 juta), penipuan *e-financial* (RM5.9 juta) dan *love* atau *parcel scam* (RM1.5 juta).

“Selain itu, terdapat tiga modus operandi baharu dikesan iaitu 379 kes tipu tawaran pekerjaan melibatkan kerugian RM5.17 juta, 20 kes tipu tekan

link (RM377,344) dan tiga kes tipu untuk mendapatkan bantuan (RM376,000),” katanya pada *Walkabout Program High Profile Policing* di Jalan Bandar Tunggol di sini semalam.

Ahmad Dzaffir berkata, daripada keseluruhan kes tersebut, seramai 1,152 suspek ditahan, manakala 605 individu telah dituduh di mahkamah.

Dalam perkembangan lain beliau berkata, menerusi tujuh Ops Tapis yang dijalankan tahun ini, seramai 1,260 individu telah ditahan dengan rampasan pelbagai jenis dadah bernilai RM83,596.

“Sebanyak 56 sarang dadah telah digempur sepanjang Ops Tapis dan jumlah kes sitaan yang dibuka 62 kes di bawah Akta Dadah Berbahaya (pelucutan hak),” ujarnya.